

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

Nama : _____

Tarikh: _____


11. Kerajinan

(Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.)

Latihan : 11.1.1, 11.1.2 & 11.1.3

Lengkapkan perkataan dengan huruf yang betul

gembira	berazam	usaha	bersemangat	bersungguh - sungguh
---------	---------	-------	-------------	-------------------------



1. Murid-murid 4 Anggerik _____ untuk memenangi pertandingan tersebut bagi menambahkan wang tabungan kelas mereka.
2. Setiap hari, mereka mengemas dan membersihkan kelas dengan _____.
3. Mereka melaksanakan tugas mengikut jadual tugasan yang telah ditetapkan dengan _____.
4. _____ mereka berterusan itu membolehkan kelas mereka memenangi pertandingan tersebut.
5. Mereka berasa sangat _____ kerana berjaya memenangi hadiah yang ditawarkan.

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

Nama : _____

Tarikh: _____

11. Kerajinan

(Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.)

Latihan : 11.1.1, 11.1.2, & 11.1.3

Bulatkan jawapan yang sesuai.

1. Saya mengamalkan sikap rajin di sekolah dengan _____ A. Sentiasa mengemas dan membersihkan kelas. B. Membuang sampah di merata-rata. C. Mendiamkan diri.	
2. Antara yang berikut, nyatakan sikap rajin semasa berada di dalam kelas. A. Tidur semasa guru sedang mengajar di hadapan kelas. B. Memberikan tumpuan semasa cikgu sedang mengajar. C. Tidak membantu rakan-rakan sekelas membersihkan kelas.	
3. Pernyataan manakah yang menunjukkan kebaikan apabila mengamalkan sikap rajin? A. Saya akan menjadi seorang murid yang tidak dihormati. B. Saya akan gagal dalam peperiksaan akhir tahun. C. Saya akan disayangi oleh warga sekolah.	
4. Antara yang berikut, nyatakan perasaan kamu apabila bersikap rajin di sekolah. A. puas hati B. putus asa C. Takut	

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

Nama : _____

Tarikh: _____

11. Kerajinan

(Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.)

Latihan : 11.1.1, 11.1.2, 11.1.3, & 11.1.4

Lengkapkan senarai semak di bawah.

Bil.	Perkara	(Ya/ Tidak)
1	Adakah saya menunjukkan sikap rajin di dalam kelas?	
2	Adakah saya rajin menyiapkan kerja sekolah?	
3	Adakah saya seorang yang rajin dalam melakukan aktiviti?	
4	Adakah saya seorang yang rajin menyiapkan tugas di sekolah?	
5	Adakah saya sentiasa mengamalkan sikap rajin di sekolah?	

Disahkan oleh:

(Nama guru : Herdawati @ Nurul Helmi bt Hassan
(Tarikh : 05 November 2020)